

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI

Sidang Kemuncak Global I-Nation 2025 Pamerkan Kepimpinan Inovasi Malaysia

KUALA LUMPUR, 7 Oktober 2025 – YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), hari ini merasmikan Sidang Kemuncak Global I-Nation 2025. Acara perdana ini, yang diterajui oleh Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI) dan merupakan sebahagian penting daripada Ekspo Inovasi dan Pengkomersialan Kebangsaan (NICE 2025) MOSTI, berlangsung selama dua hari di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur di antara 7 - 8 Oktober 2025.

Di bawah tema “Innovate. Commercialise. Lead.”, I-Nation 2025 menekankan wawasan strategik untuk menterjemahkan inovasi kepada penyelesaian yang nyata dan membolehkan MRANTI memimpin usaha memandu penyelesaian ke arah impak yang berkekalan.

YB Tuan Chang Lih Kang berkata, “Melalui I-Nation, Malaysia mempamerkan kekuatan ekosistem inovasi kita di mana idea dipacu impak, dan kerjasama digembleng demi masa hadapan. Sidang kemuncak ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI untuk membina ekonomi inovasi yang berdaya tahan, menyasarkan 3.5% GERD menjelang 2030, 70% penyertaan industri dalam R&D, dan peningkatan 50% dalam teknologi tempatan yang menembusi pasaran global.”

I-Nation 2025 menghimpunkan penggubal dasar, penyelidik, usahawan, pelabur, dan rakan kongsi antarabangsa, menampilkan gabungan kepakaran tempatan dan perspektif antarabangsa dari negara termasuk Singapura, India, Amerika Syarikat, dan Sweden. Dibina atas empat teras strategik yang mendefinisikan landskap inovasi Malaysia, sidang kemuncak ini menampilkan perbincangan mendalam mengenai Kecerdasan Buatan (AI), bertujuan mewujudkan Malaysia sebagai tapak ujian serantau dengan AI yang beretika dan inklusif; Teknologi Kesihatan (HealthTech) dan Sains Hayat, memfokuskan kepada teknologi penjagaan kesihatan yang mudah diakses dan mampu milik; Teknologi Pertanian (AgriTech) dan Keterjaminan Makanan, memacu sistem makanan yang

mampan dan dipacu teknologi; serta, Menuju Global (Going Global), memperkasakan inovasi Malaysia untuk pengembangan pasaran antarabangsa.

Sidang Kemuncak Global I-Nation 2025 dilihat sebagai pengukuhan semula usaha untuk memicu inovasi kepada impak sebenar, memperkukuh daya tahan ekonomi, dan memposisikan Malaysia sebagai landasan global untuk teknologi dan idea.

TAMAT

MENGENAI TECHNOLOGY INNOVATION PARK MALAYSIA (MRANTI)

Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI), merupakan agensi pusat pengkomersialan penyelidikan Malaysia yang mempercepatkan pembangunan inovasi teknologi daripada idea ke impak.

MRANTI berfungsi sebagai penyambung, inkubator dan pemangkin bagi membolehkan idea peringkat awal hingga ke tahap entiti matang untuk dikomersialkan dan berkembang. MRANTI menawarkan capaian kepada infrastruktur bersepadu bertaraf dunia, intervensi dan program, kerjasama dan pelbagai rangkaian sumber kepada inovator dan industri.

Dalam usaha ini, MRANTI mensasarkan untuk meningkatkan saluran bekalan inovasi Malaysia, dan menghasilkan nilai R&D baharu dengan memastikan peralihan yang berkesan dalam kitaran hayat pengkomersialan. Ia juga akan menghubungkan ahli akademik dengan industri serta sektor awam untuk menyelaraskan usaha R&D yang dipacu pasaran untuk hasil yang berteraskan misi.

MRANTI yang beribu pejabat di MRANTI Park, merupakan sebuah hab inovasi 4IR seluas 686 ekar di Kuala Lumpur, menyokong pertumbuhan kluster pembuatan pintar, bioteknologi, agrotek, bandar pintar, teknologi hijau dan kluster teknologi pembolehan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://mranti.my/>



Untuk pertanyaan media sila hubungi:

[Aditya Adri Saleh Ab Rahim](#)

Director, Strategic Communication

+60 13-666 6667 | adit@mranti.my

Rastam Khairudin

PR Executive

rastam@mranti.my